

SIARAN MEDIA

20 JUTA KAMPIT SIMEN RAHMAH DIPERKENAL KERAJAAN MADANI BANTU KURANGKAN BEBAN KOS HARGA RUMAH DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 18 April 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperkenalkan **Inisiatif Skim Simen Rahmah** untuk pemajuan rumah mampu milik dengan kerjasama Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA) dan pemaju perumahan swasta. **Inisiatif ini melibatkan harga rumah dalam kategori rumah mampu milik iaitu yang berharga RM300,000.00 dan ke bawah** untuk kumpulan sasaran B40 dan M40.

C&CA telah menawarkan 1 juta tan metrik simen pukal (*bulk cement*) dengan harga RM290.00 setiap tan metrik berbanding harga pasaran semasa iaitu RM410.00 setiap tan metrik. Penurunan ini adalah sebanyak RM120.00 setiap tan metrik bersamaan insentif sebanyak 29.3% daripada pembekal simen. Nilai 1 juta tan metrik simen ini akan ditukarkan kepada 20 juta kampakit simen *standard* dengan berat 50 kilogram. Pada masa ini, **nilai harga kampakit simen di pasaran adalah RM22.50 sekampakit dan akan diturunkan kepada RM17.50 sekampakit iaitu penurunan sebanyak 22.2% sekampakit atau bersamaan RM5.00 sekampakit.**

YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan berkata, “1 juta tan metrik tersebut bersamaan dengan 20 juta kampakit simen yang akan dibekalkan kepada pemaju perumahan swasta mampu milik **secara berperingkat pada harga yang telah diberikan insentif oleh pengeluar dan pembekal simen selama maksimum empat (4) tahun mengikut tempoh pembinaan pemajuan tersebut iaitu sehingga 30 Jun 2028.**” Ini merujuk kepada pemajuan yang akan diluluskan Permit Iklan dan Jualan (AP) di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] bermula daripada **1 Mei 2023 sehingga 30 Jun 2024 (tempoh 13 bulan).**

Rakyat akan memperolehi manfaat **pengurangan harga rumah maksimum sehingga RM5,000 mengikut jenis dan harga rumah.** Contohnya untuk harga rumah asal bernilai

RM300,000 dan pengurangan sebanyak RM5,000 (2.38%) menjadikan harga jualan baharu sebanyak RM295,000. Inisiatif ini sekaligus akan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat dalam komitmen pembiayaan perumahan.

20 juta kampit simen dijangka mencukupi untuk pembinaan rumah mampu milik sehingga 24,000 unit rumah dan bakal memanfaatkan pembeli rumah. Mengambil kira pengurangan kos harga simen tersebut berbanding harga pasaran, sebanyak RM120 juta insentif oleh pengeluar dan pembekal simen kepada pembeli rumah melalui pemaju perumahan swasta.

Tambah beliau, “KPKT mengucapkan terima kasih kepada C&CA dan pemaju perumahan swasta atas kerjasama strategik ini dan berharap kolaborasi seperti ini akan diteruskan untuk masa akan datang dan turut menyeru rakan agensi swasta yang lain untuk turut sama menawarkan inisiatif bagi meringankan kos sara hidup rakyat.”

#StrongerTogether

#UnityInDiversity

#DemiPertiwi

#MalaysiaMADANI

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

